

PM sifatkan jasa Joseph dikenang rakyat, negara

BERITA HARIAN 19 APR 2024

M/S: 7

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyifatkan jasa dan pengorbanan Tan Sri Joseph Kurup sepanjang menjadi menteri pada peringkat Persekutuan dan negeri, akan dikenang rakyat serta negara.

Perdana Menteri turut menzahirkan ucapan takziah buat keluarga mendiang, termasuk kepada anak pengasas Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) itu, Datuk Arthur Joseph Kurup.

"Kepada Datuk Arthur Joseph Kurup dan keluarga, moga tabah dan kuat menerima khabar duka pemergian Tan Sri Joseph Kurup hari ini (semalam)," katanya.

Bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah itu meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur semalam pada usia 79 tahun.

Mendiang yang juga bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu bersara daripada politik pada Januari tahun lalu selepas memegang jawatan Presiden PBRs sejak penubuhan parti itu.

Sementara itu, di **Kota Kinabalu**, Parti Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) menyifatkan pemergian Joseph sebagai kehilangan besar buat Sabah.

Presidennya, Datuk Peter An-

thony berkata, mendiang bukan sahaja sangat berdedikasi dalam menjalankan tugasnya sebagai menteri pada peringkat Persekutuan, malah konsisten dengan perjuangannya membantu rakyat di negeri ini khususnya pedalaman.

Katanya, Joseph juga antara pemimpin suku kaum Kadazan, Dusun dan Murut (KDM) yang banyak berjasa kepada bangsanya.

"Pemergian beliau sangat mengejutkan kita semua. Secara pe-



Joseph Kurup

ribadi saya menyanjungi beliau, banyak jasanya bukan sahaja kepada rakyat di negeri ini, tetapi juga seluruh negara.

"Takziah kepada seluruh keluarga mendiang termasuk sahabat saya, Arthur Joseph, semoga tabah menghadapi waktu sukar ini," katanya dalam kenyataan

Bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman pula menyifatkan Joseph sebagai rakan sekutu politik yang setia dalam komponen Barisan Nasional

(BN) ketika menerajui PBRs.

"Ketika menjadi Ketua Menteri Sabah, saya berpeluang bekerja bersama mendiang dan beliau adalah sekutu tanpa berbelah bahagi kepada BN.

"Sebagai Pengasas PBRs, Joseph menjadi tulang belakang parti itu dan presiden sejak penubuhannya sehingga beliau bersara awal tahun lalu dan menyerahkan kepimpinan kepada anaknya, Datuk Arthur Kurup.

"Beliau bukan sahaja rakan politik, tetapi juga rakan setia yang terbuka kepada perbincangan dan menjunjung semangat kerjasama dan saling menghormati BN," katanya.